



EDISI JAN - JUN 2022

BULETIN FSB

fsb.umk.edu.my

FAKULTI SAINS BUMI



Fakulti Sains Bumi,
Universiti Malaysia Kelantan
(Kampus Jeli)
17600 Jeli, Kelantan, Malaysia
Laman Web: www.fsb.umk.edu.my
Telefon: +609-947 7030
Faks: +609-947 7032



OfficialUMK
umk.edu.my

ENTREPRENEURSHIP
is our Urus!

Kita
#BinaLegasiUMK
Bersama

#WeAreUMKFamily
#OneUMKOneDream

SIDANG EDITORIAL

PENASIHAT

PROF. MADYA TS. DR. MOHAMAD FAIZ MOHAMAD
AMIN

TS. DR, NOOR JANATUN NAIM JEMALI
PROF. MADYA DR. NORRIMI ROSAIDA AWANG

KETUA PENYUNTING

DR. HAFZAN EVA MANSOR

PENYUNTING

DR. ELVAENE JAMES
DR. NURUL IRENE HANIE
CHM. DR. ROZIDAINI MOHD GHAZI
DR SITI AISYAH NAWAWI
PN. FARAH KHALIZ KEDRI
DR. SULAIMAN CINDO
DR. MOHD SYAKIR SULAIMAN
CIK NUR KYARIATUL SYAFINIE ABDUL MAJID

Hak Cipta Fakulti Sains Bumi 2022

Hak cipta adalah terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman, dan sebagainya tanpa mendapat keizinan daripada Penerbit Fakulti Sains Bumi.

Judul Buku: Buletin Fakulti Sains Bumi Edisi Jan. – Jun 2022

Nombor e-ISSN: 2716 - 6619

Diterbitkan oleh:
Fakulti Sains Bumi
Universiti Malaysia Kelantan (Kampus Jeli)
17600 Jeli, Kelantan, Malaysia



AKTIVITI SULAM FSB: KOMBINASI PEMBELAJARAN DAN KHIDMAT KOMUNITI DALAM PENGURUSAN SUMBER AIR

Ts. Dr. Noor Janatun Naim Jemali & Cik Kyariatul Syafinie Abdul Majid

Seramai 27 orang pelajar daripada Program Sains Sumber Asli yang mengambil subjek Pengurusan Lembagan dan Legeh telah berjaya menjalankan aktiviti pembelajaran yang disulam dengan aktiviti khidmat komuniti di Kolam Air Panas Jeli pada 14 Jun 2022 yang lalu. Objektif amali luar ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan dan kefahaman kepada para pelajar mengenai sumber air serta amalan pengurusan, pemantauan dan penilaian kawasan tadahan yang sesuai.

Kolam air panas ini Jeli terletak di Batu Melintang, berhampiran jalan raya Timur-Barat yang menghubungkan daerah Jeli (Kelantan) dengan Gerik (Perak). Kawasan ini terletak di kaki banjaran Titiwangsa dan sumber air panasnya keluar melalui rekahan batu. Melalui aktiviti pembelajaran luar kelas ini, pelajar didedahkan dengan pengurusan kawasan tadahan air dan lembangan sungai dengan mempelajari bagaimana aktiviti huluan dan sumber diuruskan dengan bijak supaya kawasan hiliran kekal bersih dan sihat. Diakhir program, kumpulan pelajar ini telah bersatu tenaga dan berkerjasama dalam aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan sungai dan Kolam Air Panas bagi memperindah kawasan. Aktiviti ini mendapat kerjasama baik daripada Majlis Daerah Jeli dimana mereka juga turut serta dalam program pembersihan semasa program dijalankan.



Sesi taklimat dan teori pengurusan sumber air

Kumpulan pelajar dari Program Sains Sumber Asli yang turut serta dalam program Sulam

